JuKu

JURNAL KURIKULUM & PENGAJARAN ASIA PASIFIK Julai 2024, Bil. 12, Isu 3

# ANALISIS KANDUNGAN TERHADAP KATEGORI *AQLIYYAH-NAFSIYYAH* PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM PERINGKAT MENENGAH

***Husnul Rita Aris[1]**
**Saedah Siraj[1]**
**Zaharah Hussin[1]**
[1] Universiti Malaya
**umi.huda2011@gmail.com/ hra_08@uitm.edu.my*

**Abstract:** From the past until the present, Islamic Education in secondary schools uses Bloom's Taxonomy in the teaching and learning of Islamic Education. However, there is no specific taxonomy based on the views of Islamic scholars for Islamic Education. Therefore, the researchers try to develop a taxonomy of intellectual ranking called the *Aqliyyah-Nafsiyyah* taxonomy which is based on the theory of 3 main Islamic figures namely Ibn Sina, Al-Ghazali and Al-Attas. This research focuses on the development of the *Áqliyyah-Nafsiyyah* taxonomy through qualitative content analysis of the 3 main books of the 3 figures, namely *Al-Syifa'* (Book 6) *Al-Nafs* by Ibn Sina, *Ihya' Ulum Al-Din* by al-Ghazali and *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* by Al-Attas. As a result of the qualitative content analysis carried out, there are 5 main categories and 22 sub-categories that have been identified for the development of the *Áqliyyah-Nafsiyyah* taxonomy of learning Islamic Education at the secondary level. The objective of this research has been obtained.

***Keywords:*** Taxonomy, Islamic Education, Learning Taxonomy, Design and Development Research Approach, Content Analysis.

## PENGENALAN

Kajian berkaitan analisis kandungan kualitatif di peringkat global banyak dilakukan dalam kalangan pengkaji-pengkaji dari luar negara dalam bidang perubatan, media dan komunikasi, pendidikan, kajian bandar, dan teknologi (Pohontsch, 2019; Oser & Oser, 2020; Frost et al., 2021; Gonzalez et al., 2021; Waalkes et al. 2021., Sheydayi & Dadashpoor, 2023). Manakala di Malaysia, kajian berkaitan analisis kandungan kualitatif dilaksanakan dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang pentadbiran dan pendidikan (Jano et al., 2014; Ibrahim et al., 2020; Kassem 2023). Metodologi penggunaan analisis kandungan yang digunakan dalam bidang Pendidikan Islam ialah satu kaedah yang hampir sama dalam metod kajian dalam pengajian Islam seperti istiqra, namun ada kelainannya.

Pendidikan Islam banyak bergantung kepada taksonomi Bloom dalam penentuan aras soalan peperiksaan, pengajaran dan pembelajaran serta penggubalan kurikulum (Wan Akhbar, 2020). Namun demikian, taksonomi Bloom kurang sesuai bagi subjek Pendidikan Islam melihatkan taksolomi Bloom banyak menekankan kepada perkara berkaitan akal manusia. Perkara-perkara yang terbatas dan material semata-mata ini mengkesampingkan aspek kerohanian yang sarat dalam Pendidikan Islam. Terdapat beberapa pengkaji lain yang telah membuat kajian pembangunan taksonomi fikir-zikir (Noor Hisham, 2022) serta taksonomi domain afektif (Mahfuzah, 2020) yang berfokuskan kepada aspek kerohanian tersebut. Namun, pengkaji mencadangkan satu taksonomi berkaitan pemeringkatan akal bersifat rohani yang diperlukan dalam Pendidikan Islam. Justeru itu, keperluan kepada pembangunan taksonomi baharu iaitu pembangunan taksonomi *Áqliyyah-Nafsiyyah* bagi pembelajaran Pendidikan Islam peringkat menengah.

Pengkaji menggunakan metod analisis kandungan dalam pembangunan taksonomi *Áqliyyah-Nafsiyyah* pembelajaran Pendidikan Islam peringkat menengah bagi mengeluarkan kategori-kategori utama dan subkategori bagi setiap kategori utama berdasarkan buku utama bagi tiga tokoh utama dalam kajian ini.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Pakar-pakar pendidikan ada mengutarakan perlunya satu taksonomi baru atau sebagai rujukan dan alternatif bagi mata pelajaran Pendidikan Islam kerana mata pelajaran tersebut belum mempunyai lagi taksonominya tersendiri berasaskan kepada pandangan ahli sarjana Islam. Ini berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Noor Hisham Md Nawi (2020, 2022) & Mahfuzah (2022) yang menyatakan bahawa Pendidikan Islam perlu dibangunkan satu taksonomi baharu untuk Pendidikan Islam.

Beberapa kajian sedang dijalankan berkaitan taksonomi, namun taksonomi yang pengkaji bangunkan ini agak inklusif dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji terkini berkaitan taksonomi untuk Pendidikan Islam. Antaranya ialah kajian Noor Hisham Md Nawi (2022) yang mengabungkan peranan akal dan hati secara bersepadu bagi membangunkan potensi intelektual dan kerohanian. Manakala kajian yang dibuat oleh Mahfuzah (2022) ialah berkaitan *Affective Domain in Learning Taxonomy at Instution of Higher Education* yang menekankan kepada pembangunan psikologi dan kerohanian. Di samping itu, mengaitkan akhlak dan tasawuf bagi mengaitkan dengan *domain affective* tersebut. Manakala kajian yang dibuat oleh Nurul Ain Norman (2021) adalah berkaitan tentang konsep jiwa atau *al-nafs* (*soul*) dalam Islam yang diperbincangkan secara terperinci oleh Ibn Sina. Tidak dinafikan bahawa konsep *soul* atau jiwa yang sebenarnya adalah luas meliputi aspek luaran dan dalaman berkaitan insan itu sendiri. Daripada konsep al-Nafs atau *soul* (jiwa) yang dibawa oleh Ibn Sina, pengkaji telah mengkhususkan kepada aqal di bawah cabang ilmu al-Nafs atau *soul* (jiwa). Ini kerana *aqal* yang dibincang oleh ahli falsafah Islam adalah bersifat rohani atau metafizik berbeza dengan akal yang dibincangkan oleh para sarjana Barat sekarang.

Manakala taksonomi berkaitan intelek yang diperkenalkan oleh para ilmuan tamadun Barat seperti Taksonomi Bloom, Taksonomi Anderson, Taksonomi Marzano, Taksonomi Biggs and Collis adalah berlainan dengan taksonomi *Áqliyyah-Nafsiyyah* yang dibangunkan ini. Ia merupakan akal yang bersifat kerohanian (Ibrahim, 2009) Dari aspek teori pula, kebanyakan penyelidik kajian dalam Pendidikan Islam banyak menggunakan teori Ibn Khaldun, Ibn Shahnun, Al-Ghazali dan lain-lain dalam kajian mereka. Akan tetapi, kurang kajian yang menggunakan teori Ibn Sina dan Al-Attas dalam bidang Pendidikan Islam.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengeluarkan kategori-kategori utama dan subkategori *Áqliyyah-Nafsiyyah* daripada 3 kitab utama bagi 3 tokoh tersebut iaitu *Al-Syifa'* (Kitab 6) *Al-Nafs* oleh Ibn Sina, *Ihya' Ulum Al-Din* oleh al-Ghazali and *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* oleh Al-Attas.

## SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk mengenal pasti teori-teori akal yang dibincangkan oleh tiga tokoh sarjana Islam yang utama dalam kitab mereka. Pengkaji akan mengeluarkan kategori-kategori utama dan subkategori-subkategori *Áqliyyah-Nafsiyyah* tersebut bagi menghasilkan satu matrik *Áqliyyah-Nafsiyyah* untuk dinilai oleh pakar Pendidikan Islam di fasa seterusnya.

## METODOLOGI KAJIAN

***Pendekatan Analisis Kandungan Kualitatif***

Analisis kandungan kualitatif merupakan salah satu teknik penyelidikan yang paling penting dalam sains sosial dan bertujuan menganalisis data dalam konteks tertentu. Menurut Krippendorff (1989), analisis kandungan kualitatif merupakan teknik untuk membuat tafsiran yang boleh ditiru dan sah daripada data kepada konteksnya. Teknik ini membolehkan seseorang penyelidik menganalisis dan menafsirkan bahan yang direkodkan dalam konteksnya sendiri, contohnya rekod awam, teks, buku, surat, pita, filem, tema, buku harian dan laporan (Ary et al., 2009). Tambahan lagi, analisis kualitatif merupakan pendekatan penyelidikan untuk penerangan dan tafsiran data teks menggunakan proses pengekodan yang sistematik. Produk akhir analisis data ialah pengenalpastian kategori, tema dan corak (Elo & Kyngäs, 2008; Hsieh & Shannon, 2005; Zhang & Wildemuth, 2009). Analisis kandungan kualitatif telah diterangkan dan digunakan pada separuh pertama abad ke-20 (Schreier, 2014). Analisis kandungan kualitatif juga membolehkan para penyelidik menubuhkan konteks penyelidikan mereka sendiri, sehingga membuka pintu kepada himpunan/koleksi kepada saintifik sosial konstruk dengan teks mana yang mungkin menjadi bermakna dengan cara budaya tidak dapat diketahui (Krippendorff, 1989).

Dalam penyelidikan ini, pertama, pengkaji telah melakukan penyelidikan awal berkaitan *al-Nafs* atau *al-Nafsiyyah* untuk memahami maksud dan konsep yang diperkatakan oleh penulis-penulis Arab. Setelah memahami konsep *al-Nafs/al-Nafsiyyah*, seterusnya pengkaji memfokuskan kepada konsep *'aql* atau *Áqliyyah* kerana ada pengkaji berpendapat ia merupakan cabang daripada *al-Nafs* atau *al-Nafsiyyah*. Ada juga berpandangan ia merupakan maksud yang sama bagi perkataan *al-Nafs* yang mempunyai fungsi yang berlainan tetapi maksud yang sama dan ada berpendapat *al-Áql* adalah *al-Nafs*. Pengkaji menggunakan perkataan *Áqliyyah-Nafsiyyah* kerana ia adalah entiti yang tidak dapat dipisahkan dalam kajian ini.



juku.um.edu.my | E-ISSN: 2289-3008

Selepas itu, pengkaji mengenalpasti kategori-kategori utama *Aqliyyah-Nafsiyyah* berdasarkan sumber sekunder seperti artikel jurnal dan buku-buku yang menceritakan secara jelas berkaitan teori *Áqliyyah-Nafsiyyah* yang ditulis dalam bahasa Arab sebagai matrik awalan sebelum merujuk kitab utama asal tiga tokoh sarjana Islam tersebut. Selepas menghasilkan matrik awalan berdasarkan sumber sekunder, barulah pengkaji mendalami kitab asal ketiga-tiga tokoh tersebut iaitu iaitu *Al-Syifa'* (Kitab 6) *Al-Nafs* oleh Ibn Sina, *Ihya' Ulum Al-Din* oleh al-Ghazali and *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* oleh Al-Attas.

Analisis kandungan kualitatif dilakukan berdasarkan Kitab *al-Syifa'* oleh Ibn Sina untuk mencari kategori utama *Áqliyyah-Nafsiyyah*. Ibn Sina dipilih kerana mempunyai kriteria dan kepakaran hebat dalm bidang Falsafah Islam. Seperti yang kita ketahui bahawa Ibn Sina merupakan tokoh yang hebat dalam pelbagai bidang seperti perubatan dan falsafah. Malah, orang-orang Barat tidak mampu menandingi beliau dalam pelbagai bidang tersebut. Sehingga Ibn Sina dianggap sebagai Bapa Pengasas Ilmu Psikologi Islam yang mana ilmu psikologi Islam dipanggil ilmu *al-Nafs* pada ketika dahulu. Al-Ghazali adalah salah seorang ulama paling besar dalam sejarah pemikiran Islam dan dikenali sebagai *Hujjat al-Islam* (bukti Islam). Kehidupan dan pekerjaannya yang luar biasa terus memberi inspirasi dan meremajakan iman dalam Islam di kalangan orang Islam dan bukan Islam, terutamanya dalam bidang falsafah, teologi, perundangan dan Sufi.

Tujuan utama dalam menjalankan analisis kandungan kualitatif adalah untuk mengeluarkan kategori-kategori utama dan subkategori utama yang atau kepentingan dalam Taksonomi *Aqliyyah-Nafsiyyah* Pendidikan Islam peringkat menengah. Terdapat beberapa langkah yang terlibat dalam menjalankan analisis kandungan kualitatif (Ary et al., 2009):

1. Menentukan fenomena yang akan disiasat. Dalam kajian ini, penyelidik telah menyiasat elemen-elemen Taksonomi *Aqliyyah-Nafsiyyah.*
2. Memilih media dari mana pemerhatian dibuat. Kajian ini melibatkan teks utama iaitu Kitab *al-Syifa'* oleh Ibn Sina, *Ihya' Ulum ad-Din* oleh al-Ghazali dan buku *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas.
3. Merangka kategori pengekodan lengkap dan saling eksklusif. Dalam kajian ini, beberapa kategori utama telah dikenal pasti dan setiap kategori mengandungi beberapa subkategori seperti Lampiran 2.
4. Membuat pelan persampelan. Untuk kajian ini, tidak semua buku dari teks digunakan sebagai beberapa bab yang tidak berkaitan dengan kajian ini. Bagi Kitab *al-Syifa'* (Buku 2), kepekaan utama diberikan dalam bab 6. Bagi bab lain hanya halaman berkaitan boleh dikaitkan dengan unsur-unsur Taksonomi *Aqliyyah-Nafsiyyah*.
5. Latih *coders*. (Tidak berkenaan dalam kajian ini kerana penyelidik mempunyai tanggungjawab tunggal dalam aktiviti pengekodan) .
6. Menganalisis data. Dalam kajian ini, tiada alat khusus digunakan. Data dianalisis dengan menggunakan sumber sekunder, termasuk buku-buku dan artikel-artikel lain untuk menyokong tema yang dipilih.

Dalam fasa ini, untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan dalam penyelidikan kualitatif, pemeriksaan kepercayaan adalah penting. Menurut Seale (1999), kajian kualiti yang baik melalui kebolehpercayaan dan kesahan didirikan melalui kepercayaan sebuah penyelidikan. Kebolehpercayaan dalam fasa ini dilakukan melalui proses triangulasi kerana triangulasi biasanya merupakan strategi untuk meningkatkan kesahihan dan kebolehpercayaan penyelidikan atau penilaian penemuan (Golafshani, 2003). Mathison (1988) menerangkan ini dengan mengatakan:

Triangulasi telah data yang penting dalam pendekatan naturalistik dan kualitatif untuk menilai dan mengawal berat sebelah serta mewujudkan keadaan yang sah kerana teknik saintifik tradisional tidak sesuai dengan epistemologi alternatif ini. (ms 13)

Terdapat beberapa jenis triangulasi seperti yang dikenalpasti oleh Denzin (1970):

1. Triangulasi data, yang melibatkan data mengumpul melalui beberapa strategi pensampelan, supaya hirisan data pada masa yang berlainan dan situasi sosial, serta pada pelbagai orang, dikumpulkan.
2. Triangulasi penyiasat, yang merujuk kepada penggunaan lebih daripada satu penyelidik dalam bidang untuk mengumpul dan mentafsir data.
3. Triangulasi teori, yang merujuk kepada penggunaan lebih daripada satu kedudukan teoretikal dalam menafsirkan data.

4. Triangulasi metodologi, yang merujuk kepada penggunaan lebih daripada satu kaedah untuk mengumpul data.

Kebolehpercayaan proses pengekodan diperoleh melalui jenis triangulasi yang pertama; triangulasi data. Segi tiga data adalah penggunaan pelbagai sumber data, termasuk masa, ruang dan orang, dalam kajian/penyelidikan. Pengekodkan tema dan sub-tema awal Taksonomi *Aqliyyah-Nafsiyyah* telah dilakukan dari dua zon waktu yang berbeza; moden dan tradisional. Pandangan moden atau kontemporer diambil dari karya Syed Muhammad Naquib al-Attas sementara pandangan tradisional diperoleh dari karya Ibn Sina dan Imam al-Ghazali. Sementara itu, sumber data dari ruang yang berlainan dilihat dari perspektif Islam. Dan akhirnya sumber data juga maju dari orang yang berlainan atau dalam pandangan pakar-pakar kajian ini dari latar belakang yang berbeza; ahli akademik, ahli falsafah, penyelidik dan sarjana. Tiga karya pakar utama digunakan; Ibn Sina (980-1037 Masihi / 370-428 Hijrah), al-Ghazali (1058-1111Masihi/ 450-505 Hijrah), Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931-sekarang)

***Pendekatan Analisis Kandungan Kualitatif***

Lincoln & Guba (1983) dan Thomson (2002) dalam Zaharah Hussin (1996) menyatakan kajian menggunakan metod analisis kandungan kualitatif menjadikan diri manusia iaitu penyelidik sebagai instrumen utama. Teknik analisis kandungan kualitatif menjadikan pengkaji sebagai pengekod yang melaksanakan aktiviti pengekodan bagi kajian fasa II ini. Teknik kajian seumpama ini telah digunakan oleh Thompson (2002) dalam Zaharah Hussin (1996) untuk menjalankan kajian peringkat ijazah Doktor Falsafahnya bertajuk *An analysis of the framing of an organizational crisis with a Texas school district as reported by local print media* di Texas A & M University. Lincoln & Guba (1985) dan Thompson (2002) dalam Zaharah Hussin (1996) turut menyatakan bahawa pemilihan instrumen dalam kajian inkuiri naturalistik ialah manusia itu sendiri. Justeru itu, Thompson (2002) menyatakan bahawa dirinya sebagai pengkaji adalah instrumen utama dalam mengumpul data. Bagaimanapun, proses kebolehpercayaan pengkodan dalam kajian ini turut diadili dengan menggunakan kebolehpercayaan antara pengkod (*inter-coder reliability*). Penjelasan berkaitan terdapat dalam bahagian kesahan & kebolehpercayaan.

***Pengumpulan Data Menggunakan Analisis Kandungan Kualitatif***

Bagi fasa II ini, penggumpulan data menggunakan analisis kandungan kualitatif, pengekodan terlebih dahulu melakukan langkah-langkah berikut: 1) membaca kitab *al-Syifa'* (Ibn Sina), kitab *Ihya' Ulum al-Din* (al-Ghazali) dan buku *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* (Syed Naquib al-Attas) sebagai kitab utama (*open coding I*), 2) membaca berpandukan teks terjemahan dan kitab tambahan (*open coding II*), 2) membaca, menganalisis dan mengambil kategori (*axial coding*), 3) mengekod untuk kali kedua selepas tempoh 3 bulan, 4) mencatat kategori, 5) menggabungkan subkategori dan 6) menentukan kemajuan kategori (*selective coding*).

***Kebolehpercayaan***

Pelbagai istilah digunakan dalam literatur antarabangsa mengenai pengesahan kajian kualitatif (Creswell, 2013). Istilah 'kesahan', 'kebolehpercayaan', dan *'generalizability'* dalam kajian kuantitatif adalah bersamaan dengan 'kredibiliti', 'kebolehpercayaan', dan 'kebolehpindahan' dalam kajian kualitatif (Polit & Beck, 2013). Istilah-istilah ini, bersama-sama dengan konsep tambahan pengesahan, telah diperkenalkan oleh Lincoln dan Guba (1985). Polit dan Beck menambah istilah 'keaslian' pada senarai. Secara kolektif, mereka adalah aspek kebolehpercayaan yang berbeza dalam semua jenis kajian kualitatif (Polit & Beck, 2013). Untuk meningkatkan kebolehpercayaan kajian analisis kandungan kualitatif, penyelidik harus teliti gariskan tiga fasa 'persediaan', 'organisasi', dan 'pelaporan' (Elo et al., 2014). Fasa sedemikian diperlukan untuk menunjukkan secara terperinci bagaimana kategori dibangunkan daripada data (Elo & Kyngäs, 2008; Graneheim & Lundman, 2004; Vaismoradi et al., 2016). Untuk mencapai matlamat ini, lampiran, jadual dan rajah boleh digunakan untuk menggambarkan proses pengurangan (Elo & Kyngäs, 2008; Elo et al., 2014). Tambahan pula, akaun yang jujur tentang realiti yang berbeza semasa analisis data harus disediakan (Polit & Beck, 2013).

## SOROTAN LITERATUR

Dalam bidang Pendidikan Islam, kajian berkaitan akal banyak berkaitan dengan taksonomi Bloom dan taksonomi revisi Anderson yang telah diolah semula dan juga berkaitan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Contoh kajian yang dilakukan oleh Nur Aida Muhammad, et al, (2016) berkaitan strategi penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam serta kajian yang dilakukan oleh Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus



juku.um.edu.my | E-ISSN: 2289-3008

Kassim, (2016) berkaitan pelaksanaan KBAT dalam Pendidikan Islam membentuk penghayatan akidah dalam kalangan pelajar di negeri Perak. Hasil kajian beliau mendapati bahawa aplikasi KBAT penghayatan akidah pada kefahaman adalah tinggi pada perasaan dan kesan. Beliau menyatakan bahawa jikalau guru Pendidikan Islam ini menggunakan aplikasi KBAT dalam pengajaran, mampu memberi kesan yang tinggi kepada pelajar dari aspek kefahaman, perasaan dan kesan dalam mata pelajaran akidah. Manakala berkaitan isu dan permasalahan (PdP) pelaksanaan KBAT dalam amalan pengajaran guru menurut pandangan Ibn Khaldun oleh Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim (2017) telah menghasilkan 4 elemen utama bagi mengintegrasikan KBAT iaitu *aqal tamyizi, aqal tajribi, aqal nazori* dan hakikat insaniah yang diterjemahkan dalam proses pelaksanaan berasaskan konsep, intergrasi dan kesan berpandukan kepada panduan yang dibawa oleh Ibn Khaldun yang berasaskan acuan Falsafah Pendidikan Islam.

Selain itu, terdapat beberapa kajian terkini berkaitan taksonomi untuk Pendidikan Islam, antaranya kajian Noor Hisham Md Nawi (2022) yang mengabungkan peranan akal dan hati secara bersepadu bagi membangunkan potensi intelektual dan kerohanian. Manakala kajian yang dibuat oleh Mahfuzah, et.al (2022) adalah berkaitan *Affective Domain in Learning Taxonomy at Instution of Higher Education* yang menekankan kepada pembangunan psikologi dan kerohanian. Di samping itu, dimasukkan akhlak dan tasawuf bagi mengaitkan dengan domain *affective* tersebut. Manakala kajian yang dibuat oleh Nurul Ain Norman (2021) *Ibn Sina's Theory of The Soul: A taxonomy of Islamic Education* adalah berkaitan tentang konsep jiwa atau *al-nafs* (*soul*) dalam Islam yang diperbincangkan secara terperinci oleh Ibn Sina. Tidak dinafikan bahawa konsep *soul* atau jiwa (psikologi Islam) yang sebenarnya adalah luas meliputi aspek luaran dan dalaman berkaitan insan itu sendiri. Daripada konsep *soul* yang dibawa oleh Ibn Sina, pengkaji telah mengkhususkan kepada *aqal* di bawah cabang ilmu *al-Nafs* (psikologi Islam) atau *soul* (jiwa). Ini kerana *aqal* yang dibincang oleh ahli falsafah Islam adalah bersifat rohani atau metafizik berbeza dengan akal yang dibincangkan oleh para sarjana Barat sekarang.

Tidak dinafikan dalam ilmu psikologi Barat, kajian banyak dibuat berdasarkan kepada pemerhatian oleh pancaindera dan kajian fizikal tubuh badan manusia. Mereka tidak mampu untuk mengkaji perkara-perkara dalaman yang berkaitan perkara yang ghaib atau dipanggil ilmu metafizik. Ini dikaitkan dengan hasil pemikiran mereka kerana merasa sukar untuk mengkaji perkara yang tidak nampak oleh pancaindera fizikal mereka yang dipanggil pancaindera *juziyyat* yang berlainan dengan konsep *al-nafs* dalam Islam. Konsep *al-Nafs* atau psikologi Islam yang sebenarnya adalah amat luas. Apabila kita memperkatakan tentang *al-nafs*, ia merangkumi pelbagai aspek luaran dan dalam tubuh badan manusia serta aspek yang dapat dilihat dengan pancaindera dan aspek yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera. Ia juga dikaitkan dengan perkara fizik dan metafizik dalam Islam.

### *Kajian Tentang Kognitif Oleh Barat*

Kajian psikologi kognitif oleh Barat dikatakan telah bermula pada tahun 1950-an (Miller, 2003; Sanders, 1998). Tujuan kajian tersebut adalah untuk memahami bagaimana otak memproses informasi, bagaimana ia berubah, menggurang, menghuraikan, menyimpan, pulih dan menggunakan informasi yang disediakan oleh pancaindera dan bagaimana ia mengawal percakapan dan pergerakan (Neisser, 1967). Pendekatan proses informasi adalah berdasarkan penelitian pengukuran tingkah laku seperti masa reaksi, masa pergerakan, ketepatan dalam tertib terbalik untuk bertentangan dalam sistem proses. Ia mempunyai asas dalam kajian aplikasi pada tahun 1940-an, tetapi kembali kepada analisis fungsi informasi manusia memproses dalam kebenaran sendiri (Meyer, et al., 1998; Sanders, 1998)

Pendekatan proses informasi yang disampaikan oleh Marr (1982) terkenal dengan algoritma atau peringkat bersifat perwakilan (*representational level*). Dalam level analisis ini menyediakan hubungan antara peringkat perkomputeran Marr (yang menyoal apakah masalah sistem menyelesaikan dan kenapa ia berlaku) dan peringkat pelaksanaannya (menyoal bagaimana sistem ini secara fizikal dan saraf menyedari). Pendekatan proses informasi boleh dianggap kejayaan tingkah laku. Pendekatan ini kepada psikologi didakwa tidak membolehkan untuk mengkaji proses mental dan kajian tingkah laku. Ia sepatutnya mengambil berat hubungan antara alam sekitar dan pemerhatian tingkah laku manusia dan haiwan (Bargh & Ferguson, 2000; Skinner, 1945).

Sejak tahun 1970-an, kemajuan teknologi telah membolehkan pengkaji-pengkaji menafsir dalam peningkatan secara perincian kawasan aktiviti otak yang bekerjasama dengan proses informasi menggunakan teknik seperti EEG, PET dan fMRI (Gazzniga, Ivry & Mangun, 2013) Serentak adanya peningkatan komputer yang berkuasa mampu memodelkan secara berkomputer bagi kognitif dan proses saraf (Anderson, 1983;Anderson, Bothell, Byrne, Douglass, Lebiere dan Qin , 2004; De Garis, Shuo, Goertzel dan Ruiting, 2010; Goertzel, Lian, Arel, de Garis dan Chen, 2010; Kondel, Makram, Matthews, Yuste & Koch, 2013; J.E. Laird, 2013).



juku.um.edu.my | E-ISSN: 2289-3008

Tahun yang terkini, kajian menggunakan tingkah laku, saraf dan index secara berkomputer kepada tingkah laku beransur-ansur muncul kepada apa diistilahkan Neuro Sains Kognitif (*Cognitive Neuro Science*) (Gazzniga et.al, 2013).

Ini menunjukkan bahawa kajian-kajian berkaitan kognitif atau akal oleh Barat telah berkembang maju terutama dalam bidang berkaitan pengkomputeran dan neurosains kognitif. Namun dalam bidang psikologi Barat, mereka masih berpegang dengan teori-teori kognitif mereka. Justeru itu pengkaji ingin membawa pemeringkatan akal yang sebenarnya dalam Islam yang berteraskan kepada pemikiran ahli falsafah Islam terdahulu dan terkini.

## HASIL DAPATAN KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN KUALITATIF DALAM KAJIAN INI

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metod analisis kandungan kualitatif bagi mengeluarkan elemen-elemen yang berkaitan *aqliyyah* daripada kitab asal iaitu *al-Syifa' -al-Tabiiyyat*, Kitab 6 *al-Nafs* oleh Ibn Sina, *Ihya Ulum al-Din* oleh Al-Ghazali dan *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* oleh Al-Attas.

Seterusnya, pengkaji mengeluarkan jadual hasil analisis terhadap ketiga-tiga kitab tokoh sarjana Islam yang telah diperkatakan di atas yang bermula dengan jadual analisis *al-Syifa'al-Tabiiyyat*, Kitab 6 *al-Nafs* oleh Ibn Sina, kemudian kitab *Ihya Ulum al-Din* oleh Al-Ghazali dan terakhir jadual analisis buku *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul* oleh Al-Attas.

*Jadual 1*
*Analisa teks Kitab al-Syifa' bab 6: Tabii oleh Ibn Sina*

| **Elemen yang di analisis** | **Rujukan** | **Bukti Ayat Pernyataan Berkaitan Elemen Dalam Kitab al-Syifa'** |
|---|---|---|
| **الحس, Al-Hiss/Pancaindera** | **Ibn Sina, *(1975). al-Syifa' -al-Tabiiyyat, Kitab 6 - al-Nafs*. Rujuk: Ibrahim Madkour. Tahqiq: Mahmud Qasim.al-Qahirah: Dar al-Katib al-Árabi li al-Tabaáh wa Nasyr.** Makalah ke 5, Fasal 1: Hlmn 185, 194, 196, Fasal 3: Hlmn 197, 198, Fasal 5: Hlmn 208, 209, Fasal 6: Hlmn 217, 218, 219, 220, Fasal 7: Hlmn 223, 224, Fasal 8: Hlmn 233, 234, 235, 236, 237 | "…Dan bukan setiap daripada dzon maka sesungguhnya iktikad seperti apa bukan setiap daripada apa dirasai pancaindera…" (hlmn 185)<br><br>"…Dan untuk ini maka sesungguhnya pancaindera sesungguhnya merasai sesuatu luaran dan tidak merasai zatnya dan tiada alatnya dan tidak merasai pancaindera-pancainderanya" (hlmn 194)<br><br>"…sesungguhnya menceritakan khayalan yang diambil daripada pancaindera bukan disandarkan di sisinya kepada sesuatu sehingga jikalau tidak mungkin ialah alatnya tidak ia mengkhayalkannya" (hlmn 194). |

| | | |
|---|---|---|
| **Al-Hiss al-Mushtarik/Common Sense/Akal Budi/Pusat Pancaindera Terkumpul** | **Ibn Sina, *(1975). al-Syifa' -al-Tabiiyyat, Kitab 6 - al-Nafs*. Rujuk: Ibrahim Madkour. Tahqiq: Mahmud Qasim.al-Qahirah: Dar al-Katib al-Árabi li al-Tabaáh wa Nasyr.** Makalah 5, Fasal 7: Hlmn 223, Hlmn 235, Hlmn 236 | "…Sesungguhnya wajib menjadi untuk ini daya-daya/القوى ikatan/رباط mengumpulkannya setiapnya/كلها يجمعها maka mengumpulkan kepadanya/فتجتمع إليه, dan menjadi nisbahnya kepada daya ini nisbah pancaindera bersama/الحس المشترك kepada pancaindera yang ianya الرواضع" (Hlmn 223)<br><br>"…tidak menjadi daya dalam hati yang sempurna menyeluruh kemudian sesungguhnya memberi faedah hati apabila meminta disempurnakan dalam anggota lain |
| **Khayal/Gambaran** | **Ibn Sina, *(1975). al-Syifa' -al-Tabiiyyat, Kitab 6 - al-Nafs*. Rujuk: Ibrahim Madkour. Tahqiq: Mahmud Qasim.al-Qahirah: Dar al-Katib al-Árabi li al-Tabaáh wa Nasyr.** Makalah ke 5,Fasal 2: Hlmn 194, Hlmn 195,Fasal 3: Hlmn 197, Fasal 5: Hlmn 209, Hlmn 210, Fasal 6: Hlmn 214, Fasal 8: Hlmn 236, | "…sesungguhnya menceritakan khayalan yang diambil/خيالا مأخوذا daripada pancaindera/الحس…" (Hlmn 194).<br><br>"…maka menceritakan untuk jiwa daripada itu prinsip-prinsip gambaran/مبادىء التصور dan itu dengan bantuan penggunaannya/بمعاونة استعماله untuk khayalan/imaginasi/الخيال dan fantasi/khayalan/kebimbangan/kerisauan/الوهم." (Hlmn 197).<br><br>"…sesungguhnya تعاود daya khayalan/القوى الخيالية kali yang lain/مرة أخرى dan itu untuk اقتناص permulaan/مبدأ bukan yang telah hasil atau معاونة dengan perumpamaan/بتمثيل tujuan/الغرض dalam khayalan/الخيال |

| | | |
|---|---|---|
| **Mutakhayyalah/Imaginasi**<br><br>**mengambarkan** | **Ibn Sina, *(1975). al-Syifa' -al-Tabiiyyat, Kitab 6 - al-Nafs*. Rujuk: Ibrahim Madkour. Tahqiq: Mahmud Qasim.al-Qahirah: Dar al-Katib al-Árabi li al-Tabaáh wa Nasyr.** Makalah ke 5, Fasal 2: Hlmn 192, Hlmn 209, Hlmn 210, Hlmn 216, Hlmn 219, Hlmn 232 | "…sesungguhnya mengkhayalkan/تخيل iaitu sesuatu telah dipersetujui daripada apa tiada penghujung baginya dalam mana-mana waktu adalah apa tidak dibezakan dengannya pengurusan daya petah berkata-kata" (Hlmn 192)<br><br>"…Maka khayalan-khayalan yang ianya apa difikirkan akal dengan daya menjadi apa difikirkan dengan daya kekuatan …"(Hlmn 209)<br><br>"…begitu juga jiwa al-natiqah/jiwa yang petah berkata-kata apabila telah terpancar gambaran khayalan itu dan bersambung dengannya cahaya akal al-faál satu contoh daripada sambungan persediaan kerana telah berkata padanya daripada cahaya akal al-faál menanggalkan gambaran-gambaran itu daripada kekotoran." (Hlmn 209) |
| **Al-Wahmiyyah/Pandangan Hati** | **Ibn Sina, *(1975). al-Syifa' -al-Tabiiyyat, Kitab 6 - al-Nafs*. Rujuk: Ibrahim Madkour. Tahqiq: Mahmud Qasim.al-Qahirah: Dar al-Katib al-Árabi li al-Tabaáh wa Nasyr.** Makalah ke 5, Fasal 3: Hlmn 197, Fasal 6: Hlmn 216, Hlmn 217, Fasal 8: Hlmn 236 | "…maka menceritakan untuk jiwa daripada itu prinsip-prinsip gambaran dan itu dengan bantuan penggunaannya untuk khayalan/ الخيال dan tanggapan tidak pasti/الوهم" (Hlmn 197)<br><br>"…bahkan ianya khazanah/خزانة apabila telah pulang daya pengetahuan yang bijaksana kepadanya dan ianya adalah tanggapan tidak pasti/ الوهم atau jiwa/النفس atau akal/العقل dan telah dapatinya suatu hasil…" (Hlmn 216).<br><br>"…maka telah menjadikan untuk gambaran-gambaran khazanah sesungguhnya lalai daripadanya tanggapan tidak pasti/ الوهم, dan untuk makna-makna khazanah sesungguhnya lalai daripadanya tanggapan tidak pasti/ الوهم, demikian bukanlah tanggapan tidak pasti/ الوهم tempat penetapan perkara-perkara ini, dan akan tetapi kebijaksanaan/الحاكم" (Hlmn 216) |



juku.um.edu.my | E-ISSN: 2289-3008

| | | |
|---|---|---|
| **Al-Hafizah/Penjaga** | **Ibn Sina, *(1975). al-Syifa' -al-Tabiiyyat, Kitab 6 - al-Nafs*. Rujuk: Ibrahim Madkour. Tahqiq: Mahmud Qasim.al-Qahirah: Dar al-Katib al-Árabi li al-Tabaáh wa Nasyr.** Makalah ke 5, Fasal 6: Hlmn 217, Hlmn 218, Fasal 8: Hlmn 236, | "Dan bukanlah begitu mengingati/الذكر , dan menggambarkan/المصورة ,maka sesungguhnya pengetahuan gambaran ini bukanlah baginya, bahkan telah menghafaznya/menjaganya sahaja, dan sesungguhnya pengetahuannya untuk daya lain…" (Hlmn 217)<br><br>"…dan ada pun **mengingati/الذكر dan menggambarkan/المصورة** maka sesungguhnya mencetak/ dalam keduanya gambaran-gambaran dengan apa ianya satu alat dan baginya satu jisim menjaga/menghafaz gambaran-gambaran itu mendekati daripada satu pembawaan daya pengetahuan dan ianya adalah tanggapan tidak pasti/ الوهم sehingga melihat kepadanya apabila mengkehendaki, seperti apa |
| **Al-Zakirah/Pengingat Semula** | **Ibn Sina, *(1975). al-Syifa' -al-Tabiiyyat, Kitab 6 - al-Nafs*. Rujuk: Ibrahim Madkour. Tahqiq: Mahmud Qasim.al-Qahirah: Dar al-Katib al-Árabi li al-Tabaáh wa Nasyr.** Makalah ke 5, Fasal 6: Hlmn 216, Hlmn 217, Hlmn 218, Fasal 7: Hlmn 221, Hlmn 222, Hlmn 228, Fasal 8: Hlmn 233, Hlmn 234, Hlmn 236 | "…dan telah dapatinya suatu hasil, maka sesungguhnya tidak dapatinya berhajat kepada meminta dipulangkan dengan تحسس atau dengan mengingati/ تذكر." (Hlmn 216).<br><br>"…Dan bukanlah begitu mengingati/الذكر , dan menggambarkan/المصورة ,maka sesungguhnya pengetahuan gambaran ini bukanlah baginya, bahkan telah menghafaznya/menjaganya sahaja, dan sesungguhnya pengetahuannya untuk daya lain," (Hlmn 217) |

*Jadual 2*
*Analisa elemen* Aqliyyah *daripada Kitab* Ihya Ulum al-Din *Al-Ghazali*

| **Elemen yang di analisis** | **Rujukan** | **Bukti Ayat Pernyataan Berkaitan Elemen Dalam Kitab Ihya Ulum Al-Din** |
|---|---|---|
| **Pancaindera/ الحس** | **Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid. (1992). Ihya Ulum al-Din, Tahqiq: Sayyid Imran,al-Qahirah: Dar al-Hadith juzuk** Jilid 1: Hlmn 115, Hlmn 117, Hlmn 119, Jilid 2:Hlmn 905, Hlmn 906,Hlmn 908, Hlmn 910, Hlmn 911,Hlmn 915,Hlmn 943,Hlmn 944, Hlmn 945, Hlmn 955, Hlmn 960, Hlmn 973, Hlmn 999,Hlmn 1095, Jilid 4: Hlmn 805, Hlmn 812, Hlmn 813, Hlmn 827, Hlmn 834 | "Dan seperti apa sesungguhnya kehidupan gerak hati/dorongan/intuitif dengannya memudahkan jisim/badan untuk pergerakan-pergerakan yang bersifat pilihan dan pengetahuan pancaindera maka begitu juga akal intuitif dengannya memudahkan sebahagian haiwan-haiwan untuk ilmu teori, dan jikalau diharuskan menyamakan antara manusia dengan kaldai dalam intuitif/gerak hati/dorongan dan pengetahuan-pengetahuan pancaindera" (Jilid 1, hlmn 115)<br><br>"Tentera Batin iaitu pancaindera pendengaran, penglihatan, penciuman, penyentuhan dan perasaan lidah" (Jilid 2, hlm 905)<br><br>"Jenis ketiga adalah yang mengetahui keseluruhan yang terbahagi kepada yang menepati tempat-tempat zahiriah iaitu pancaindera lima iaitu pendengaran, penglihatan, bau, rasa dan penyentuhan. Dan kepada yang menempati tempat-tempat batiniah iaitu rongga-rongga otak dan juga lima" (Jilid 2, hlmn 905-906)<br><br>"Kemudian dikumpulkannya sejumlah pengertian dari yang dirasakan dalam khayalannya dengan perasaan yang bersekutu di antara yang dirasakan dengan pancaindera itu" (Jilid 2, hlmn 905-906)<br><br>"Kekuatan manusia yang mengetahui yang terdiri daripada pancaindera zahiriah dan batiniah adalah seperti tenteranya dan pembantu-pembantunya" (Jilid 2, hlmn 908) |
| **Pancaindera Terkumpul/ Daya Akal Budi/Common Sense/*Hiss Mushtarik/* قوة الحس المشترك** | **Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid. (1992). Ihya Ulum al-Din, Tahqiq: Sayyid Imran,al-Qahirah: Dar al-Hadith juzuk** Jilid 2: Hlmn 915, Jilid 4:Hlmn 813, | "Ini kerana semua berita yang diketahui dengan pancaindera, terkumpul padanya. Berlakulah kekuatan penjaga yang tempatnya di hujung otak, sebagai penjaga gudangnya. Berlakulah lidah sebagai juru bahasanya. Berlakulah anggota badan yang bergerak sebagai juru tulisnya. Dan berlakulah pancaindera yang lima sebagai mata-matanya. Maka ia mewakilkan kepada masing-masing pancaindera itu menyampaikan berita-berita yang terjadi dari semua penjuru. Ia mewakilkan kepada mata mengenai dunia warna" (Jilid 2, hlmn 915)<br><br>Berlakulah kekuatan khayalan (imaginasi) yang tersimpan pada depan otak sebagai pengurus posnya. Ini kerana semua berita yang diketahui dengan pancaindera terkumpul padanya. Berlakulah kekuatan penjaga yang tempatnya di hujung otak, sebagai penjaga gudangnya. (Jilid 2, hlmn 915)<br><br>Dan kepala yang mengumpulkan semua pancaindranya. (jilid 4, hlmn 813) |
| **Daya Imaginasi/Imagination/ *Takhayyul/* قوة التخيل** | **Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid. (1992). Ihya Ulum al-Din, Tahqiq: Sayyid Imran,al-Qahirah: Dar al-Hadith juzuk** Jilid 1: Hlmn 112, Hlmn 116, Hlmn 118, Hlmn 120, Jilid 2: Hlmn 906, Hlmn 915, Hlmn 942, Hlmn 943, Hlmn 944, Hlmn 945, Hlmn 960, Hlmn 961, Hlmn 973, Hlmn 983, Hlmn 984, Hlmn 999, Hlmn 1000, Hlmn 1037, Hlmn 1042, Hlmn 1098, Hlmn 1100, Hlmn 1168, Jilid 4: Hlmn 786, Hlmn 813, Hlmn 816, Hlmn 817, Hlmn 826, | "Atau bagaimana keraguan padanya dan haiwan bersama kerapuhan membezakannya baik/ sopan akal sehingga sesungguhnya paling besar haiwan-haiwan badan dan bersangatan buas dan paling kuat pengaruh apabila telah melihat gambaran manusia pemalunya/sopan dan ketakutannya untk perasaannya dengan menangkap/mengambil alihnya ke atasnya untuk apa khas dengannya daripada kefahaman/pencapaian keinginan yang keras/penuh minat dan untuk itu…" (Jilid 1, hlmn 112)<br><br>"…maka begitu juga perpisahan insan yang bersifat haiwan dalam pemahaman/tanggapan/pengetahuan/ادراك ilmu-ilmu teori dengan gerak hati/dorongan/intuitif merentas daripadanya dengan akal dan ianya seperti yang memisahkan selainnya daripada jisim/badan dalam penceritaan gambaran-gambaran dan warna-warna dengan sifat dikhususkan dengannya dan ianya adalah kerangka" (jilid 1, hlmn 116)<br><br>"…dan untuk itu kamu melihatnya tersesat jalan/tercari-cari dalam misal ayat ini dan melakukan zalim dan dalam takwil peringatan dengan menetapkan jiwa-jiwa suatu jenis daripada kezaliman-kezaliman dan mengkhayalkan kepadanya dalam khabar-khabar dan ayat-ayat perumpamaan percangahan-percangahan dan kemungkinan mengatasi/menguasai itu ke atasnya sehingga melihat kepadanya dengan mata memperkecil-kecilkan/biadab dan beriktikad padanya percanggahan-percanggahan" (jilid 1, hlmn 118) |

| | | |
|---|---|---|
| **Daya Merenung/Berfikir/Reflection/*Tafakkur*/قوة التفكر** | **Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid. (1992). Ihya Ulum al-Din, Tahqiq: Sayyid Imran,al-Qahirah: Dar al-Hadith juzuk Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid. (1992). Ihya Ulum al-Din, Tahqiq: Sayyid Imran,al-Qahirah: Dar al-Hadith** Jilid 1: Hlmn 113, Hlmn 120, Jilid 2: Hlmn 906, Hlmn 907, Hlmn 910, Hlmn 918, Hlmn 919, Hlmn 941, Hlmn 944, Hlmn 1011, Hlmn 1069, Hlmn 1095, Hlmn 1098, Hlmn 1099, Hlmn 1100, Jilid 4: Hlmn 775, Hlmn 776, Hlmn 777, Hlmn 779, Hlmn 780, Hlmn 781, Hlmn 782, Hlmn 783, Hlmn 784, Hlmn 785, Hlmn 786, Hlmn 787, Hlmn 788, Hlmn 789, Hlmn 790, Hlmn 791, Hlmn 792, Hlmn 793, Hlmn 794, Hlmn 795, Hlmn 796, Hlmn 797, Hlmn 801, Hlmn 802, Hlmn 803,Hlmn 804, Hlmn 805, Hlmn 806, Hlmn 809, Hlmn 817, Hlmn 818, Hlmn 819, Hlmn 823, Hlmn 832, Hlmn 833, Hlmn 835, Hlmn 839 | Dan Rasulullah SAW telah bersabda:<br><br>"Wahai manusia fikirkanlah tentang Tuhan kamu dan saling menasihati dengan akal mengetahui apa yang kamu diperintahkan dengannya dan apa yang kamu dilarang daripadanya dan ketahuilah kamu sesungguhnya memberikan bantuan kamu di sisi Tuhan kamu…"(Hadith Musnad al-Harith)( (jilid 1, hlmn 113)<br><br>"Maka sesungguhnya telah berkata: maka apakah keadaan kaum-kaum daripada ahli sufi yang mencela akal dan difikirkan? Maka ketahuilah sesungguhnya sebab padanya sesungguhnya manusia telah memindahkan kata nama akal dan apa yang difikirkan kepada perbahasan , bertukar pandangan dengan perbezaan dan iltizam-iltizam dan ianya adalah pembuatan kata-kata maka tidak mampu atas sesungguhnya menetapkan di sisi mereka sesungguhnya kamu telah melakukan kesalahan dalam menamakan apabila adalah tidak memadam daripada hati mereka selepas saling bergilir lisan-lisan dengannya dan ketetapannya dalam hati maka telah mencela akal dan apa yang difikirkan dan ianya dinamakan dengannya di sisi mereka"(Jilid 1, hlmn 120)<br><br>"Dalam batin ada perasaan yang bersekutu, khayalan, pemikiran, ingatan dan hafazan. Jikalau tidak dijadikan oleh Allah kekuatan hafazan, fikiran, ingatan dan khayalan, nescaya adalah otak itu kosong daripadanya, sebagaimana kosongnya tangan dan kaki daripadanya. Maka kekuatan-kekuatan itu juga tentera batiniah dan tempatnya juga batiniah. Inilah segala macam tentera hati"(Jilid 2, hlmn906). |
